

18/09/1999

ATM hantar 30 pegawai ke Timor Timur

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia bersetuju menghantar 30 pegawai dan anggota tenteranya bagi menyertai pasukan pengaman pelbagai negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Timor Timur.

Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, berkata pasukan itu yang terdiri daripada 17 pegawai dan 13 anggota, termasuk pegawai logistik, infantari dan doktor itu akan bertugas di wilayah berkenaan selama enam minggu.

Beliau berkata, Kuala Lumpur juga bersetuju seorang brigadier jeneral tentera darat dilantik sebagai timbalan kepada komander pasukan pengaman berkenaan, Mejar Jeneral Peter Cosgrove dari Australia.

Katanya, keputusan menghantar pasukan berkenaan untuk menyertai misi pengaman itu dibuat selepas Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, menelefon Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

"Kami faham dengan situasi semasa di Timor Timur yang memerlukan ATM menyertai pasukan pengaman PBB," katanya.

Sementara itu di KOTA BAHRU, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata anggota tentera Malaysia yang akan dihantar ke Timor Timur itu adalah untuk membuat kerja awalan dan mengetahui keadaan sebenar di sana.

"Pasukan pengaman itu diberi mandat untuk melaksanakan pemulihan keadaan selama lebih kurang enam minggu dan habis saja tempoh itu mereka akan diganti dengan pasukan lain.

"Tetapi di peringkat sekarang tentera kita akan mengenal pasti keperluan logistik dan keadaan sebenar apa yang perlu dilakukan sebelum pasukan pengaman berikutnya mengambil tugas di situ," katanya.

(END)